



PUTING KOSONG JEJAS PERTUMBUHAN GIGI

MENYUAPKAN PUTING KE MULUT BAYI KETIKA SEDANG MENANGIS BUKAN SATU KEMESTIAN MAHUPUN HALANGAN. ADA DI ANTARA PARA IBU DAN BAPA SELESA MENGGUNAKAN PUTING KOSONG UNTUK MENENANGKAN SI KECIL KERANA SUCKLING REFLEX IAITU REFLEKS BAYI YANG SECARA SEMULA JADI INGIN MENGHISAP SUSU. NAMUN, ADA JUGA DI KALANGAN MEWEKA YANG MASIH KELUR TERHADAP PENGGUNAAN PUTING KOSONG INI KERANA Bimbang memberi kemudahan kepada si comel.

ETA: 0000 274954

SUSUNAN: SUZIANA ABU DAUD

children-general pg-151.

YAYASAN Kesihatan Pergigian British menasihatkan supaya bayi tidak diberikan puting kosong kerana boleh menyebabkan masalah perkembangan gigi bayi. Lebih lama ia digunakan, lebih tinggi kemungkinan struktur mulut bayi akan terjejas. Pun begitu, jika ia mampu menenangkan bayi, anda cuba untuk menghadkan tempoh penggunaannya. Misalnya, apabila diperlukan untuk menenangkan bayi sebelum tidur. Menjelang usia setahun, anda harus menceraikan bayi daripada puting kosong saat gigi susu mula tumbuh.

Masalah yang biasa dialami selepas menggunakan puting dalam jangka masa panjang.

- ▶ Gigitar bersilang iaitu gigi di bahagian atas berada di belakang gigi bawah.
- ▶ Overbit iaitu apabila gigi atas menutupi gigi bawah.

KESAN PENGGUNAAN PUTING KOSONG

1 INFEKSI TELINGA MENINGKAT

Menghisap puting kosong dikhuatiri akan menambat kemungkinan infeksi berpindah dari mulut ke telinga.

Eustachia iaitu saluran berisi udara yang menyambungkan telinga tengah dengan bahagian belakang tekak. Untuk itu, hadkan penggunaan puting.

2 MASALAH GIGI

Kebanyakan doktor gigi tidak menggalakkan puting kosong atau menghisap jari kerana kedua-duanya boleh merindangkan masalah apabila gigi tumbuh.

3 MASALAH PERTURAN

Penggunaan puting kosong yang kerap akan menghadkan keupayaan bayi untuk belajar bertutur. Mereka akan jadi lebih selesa menghisap puting daripada berusaha untuk bercelatel ketika bersama ibu, bapa ataupun adik-beradik lain.

4 MENGGANGGU PENYUSUAN BADAN

Para ibu yang sering menggunakan puting kosong lebih cenderung bercelatel susu lebih awal berbanding ibu-ibu yang menyusui badan dan tidak menggunakan puting

secara harian. Selain mengganggu penyusuan badan, ia turut dikaitkan dengan risiko mendapat simptom seperti muntah-muntah, demam dan cirit-birit.

LANGKAH PENCEGAHAN

- ▶ Pastikan anda kerap menyusui si kecil kerana apabila bayi telah diajar menghisap puting kosong akan membuatkan mereka tidak mahu menerima susu ibu lagi.
- ▶ Elakkan daripada terus memberi bayi puting kosong ketika mereka menangis. Sebaiknya cari alternatif lain yang menenangkan mereka seperti menepuk perlahan dan menukar posisi bayi.
- ▶ Pilih puting yang selamat atau tidak mudah pecat. Bayi anda berisiko untuk tercedak kerana tertelan serpihan puting bakteria.
- ▶ Usah paksa bayi untuk menghisap puting jika mereka enggan.
- ▶ Awak lebih berhati-hati puting bayi dengan air bersih yang mengalir sebelum diberikan kepada mereka.